

06/11/1997

Sokongan pulihkan rupiah

PRESIDEN Suharto menyifatkan sokongan Asean kepada Indonesia yang menghadapi krisis mata wang, berjaya membantu mengukuhkan kembali kedudukan nilai rupiah.

Menurutnya, Asean sudah menunjukkan perpaduan serantau dengan memberi sokongan padu kepada Indonesia secara berterusan khususnya dengan bantuan kewangan Malaysia, Singapura dan Brunei.

"Krisis bermula berikutan kurangnya keyakinan terhadap mata wang rupiah. Alhamdulillah, dengan sokongan anggota Asean, kedudukan rupiah menjadi semakin kukuh ketika ini iaitu daripada 3,700 rupiah bagi AS\$1 kepada 3,200 rupiah," katanya pada sidang akhbar bersama Ketua-Ketua Negara Kumpulan 15 (G-15), di sini, semalam.

Sidang akhbar yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu turut dihadiri Presiden Mesir, Hosni Mubarak; Naib Presiden Argentina, Dr Carlos Ruckauf dan wakil ketua kerajaan anggota G-15 yang lain.

Sebelum ini, Malaysia menawarkan bantuan sebanyak RM1 bilion kepada Indonesia bagi membantu mengukuhkan semula rupiah.

Walaupun Indonesia menjadi antara negara Asia Tenggara yang paling teruk dilanda krisis mata wang, Suharto yakin negaranya mampu menangani masalah itu.

Katanya, ini kerana Indonesia mempunyai asas ekonomi yang agak kukuh dan sudah merangka beberapa program untuk menangani masalah berkenaan.

(END)